



Menjamin sambungan bekalan elektrik kita

Sentiment	Neutral	Frequency	Daily
Outlet Country	Malaysia	Outlet Language	Malay
Impressions	50,110	Circulation	50,110
PR Value	15,033	Page	7

Page Location



Menjamin sambungan bekalan elektrik kita

SATU masalah berterusan yang sering saya perhatikan di sebalik kritikan dan kecaman yang sentiasa ditujukan kepada Sabah Electricity ialah kepercayaan salah bahawa menjadi tanggungjawab satu organisasi sahaja untuk menjamin bekalan elektrik yang stabil dan selamat.

Sebaliknya, inisiatif ini memerlukan usaha bersama daripada pelbagai pemegang taruh, termasuk kerajaan persekutuan dan negeri, penguatkuasa undang-undang, syarikat tenaga, dan yang paling penting, masyarakat itu sendiri.

Baru-baru ini, tindakan merobohkan 35 penempatan setinggan haram di Kota Kinabalu menjadi contoh utama bagaimana pelbagai pihak perlu bekerjasama untuk menangani sesuatu masalah.

Operasi ini, yang diketuai oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) IPD Kota Kinabalu, bukan dilakukan secara bersendirian, sebaliknya memerlukan usaha bersama daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Sabah Electricity, Jabatan Tanah dan Ukur (JTU), serta Jabatan Ketua Menteri (JKM).

Ini menunjukkan bahawa apabila semua pihak yang terlibat bergandengan bahu, tindakan sebenar dapat diambil. Ringkasnya, sama seperti proses merobohkan penempatan haram ini bukan sesuatu yang mudah dan bukan dilakukan oleh satu agensi sahaja, pengurusan bekalan elektrik juga tidak boleh diletakkan sepenuhnya di bahu Sabah Electricity.

Jika kita benar-benar memahami isu ini, kita akan melihat bagaimana ia berkait dengan banyak faktor lain seperti perancangan bandar, pencegahan jenayah, dan keselamatan awam. Sebagai contoh, kerjasama antara Sabah Electricity dan Jabatan Siasatan Jenayah (Unit D4) PDRM.

Kecurian elektrik masih menjadi isu besar, terutama dengan peningkatan operasi perlombongan Bitcoin haram dan penggunaan elektrik industri tanpa kebenaran, yang memberi tekanan kepada sistem serta menyebabkan keru-



gian kewangan. Sejak 2021, sebanyak 101 operasi penguatkuasaan telah dijalankan, mengakibatkan 29 tangkapan dan berjaya mengelakkan anggaran kerugian sebanyak RM17.9 juta.

Kerjasama ini bukan sahaja memperkukuh usaha penguatkuasaan, tetapi juga memastikan kes kecurian elektrik ditangani dengan serius, sekali gus membawa kepada tindakan undang-undang yang tegas terhadap pesalah.

Berkali-kali, saya melihat komen yang mempersoalkan usaha Sabah Electricity dalam menangani sambungan elektrik haram.

Setiap kali kami melaporkan bahawa operasi pemutusan sambungan haram telah dijalankan dan kerugian berjaya dielakkan, masih ada yang merasakan bahawa usaha itu belum mencukupi.

Ramai yang berpendapat bahawa sekadar memutuskan bekalan tidak akan menyelesaikan masalah kerana

pelaku hanya akan menyambung semula secara haram melainkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka. Dan saya bersetuju sepenuhnya. Namun, apa yang masih gagal dilihat oleh sesetengah pihak ialah bidang kuasa kami hanya terhad kepada aspek elektrik sahaja.

Kami boleh memutuskan sambungan haram, mengambil langkah pencegahan, dan melaporkan kes, tetapi apabila ia melibatkan penguatkuasaan undang-undang serta pendakwaan, tanggungjawab itu terletak pada pihak berkuasa yang berkaitan. Sabah Electricity bukan badan penguatkuasaan undang-undang, dan inilah sebabnya mengapa kerjasama dengan agensi seperti PDRM dan badan kerajaan lain amat penting.

Malah, kita tidak perlu mencari jauh atau tertanya-tanya siapa yang sepatutnya terlibat dalam menyelesaikan isu ini.

Kita, sebagai pengguna harian, juga

memainkan peranan besar dalam menangani masalah ini.

Terlalu kerap, masyarakat beranggapan bahawa tanggungjawab menanganikan kecurian elektrik dan menjamin akses tenaga yang adil hanya terletak pada Sabah Electricity atau pihak berkuasa. Walaupun setiap pihak mempunyai peranan masing-masing, hakikatnya kita semua mempunyai tanggungjawab dalam hal ini. Lagipun, kita yang menikmati manfaat daripada tenaga elektrik yang kita gunakan.

Melaporkan aktiviti mencurigakan seperti sambungan haram adalah satu langkah mudah tetapi sangat berkesan untuk membantu. Jika anda melihat pendawaian yang mencurigakan atau mengesyaki seseorang menyambung elektrik secara haram, jangan ragu untuk melaporkannya. Dengan berbuat demikian, anda bukan sahaja membantu mengurangkan risiko bahaya, tetapi juga menyumbang kepada keselamatan dan kestabilan bekalan elektrik untuk semua.

Antara semua ini, jangan kita lupakan tanggungjawab paling asas—membayar bil elektrik tepat pada masanya.

Ini mungkin kelihatan seperti perkara remeh, tetapi ia memainkan peranan besar dalam memastikan keseluruhan sistem kekal berfungsi dan

cekap.

Apabila pengguna membayar bil tepat waktu, ia membantu mengekalkan aliran pendapatan yang stabil bagi syarikat utiliti, yang seterusnya memastikan infrastruktur dapat diselenggara dan diperluaskan. Jika kita gagal menunaikan kewajipan ini, ia akan memberi tekanan yang tidak perlu kepada sistem, mencetuskan ketidakecekan yang akhirnya menjejaskan semua pihak.

Mungkin setiap tindakan ini kelihatan kecil dan tidak penting jika dilihat secara berasingan, tetapi bayangkan kesan keseluruhannya jika setiap pengguna di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan melakukannya dengan teliti.

Walaupun kita semua mahu masalah ini diselesaikan dengan serta-merta, hakikatnya ia memerlukan pendekatan bersepadu melibatkan pelbagai agensi, penguatkuasaan berterusan, dan tindakan undang-undang yang lebih tegas.

Pada akhirnya, elektrik adalah sumber bersama, dan memastikan pengagihannya yang adil serta selamat adalah tanggungjawab bersama. Daripada salah menuding jari, kita perlu mengakui bahawa semua pihak mempunyai peranan—daripada penyedia utiliti, agensi penguatkuasaan, badan kerajaan, sehingga masyarakat itu sendiri.



Memperkasa SABAH
Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau
Pengerusi Sabah Electricity Sdn Bhd
Ahli Parlimen dan Presiden Kehormat Upko